

29/01/1999

Kadar terendah di Asia Tenggara

KUALA LUMPUR, Khamis - Kadar tol baru Lebuhraya Utara-Selatan (NSE) sebanyak 11.24 sen sekilometer, masih terendah di Asia Tenggara dan antara paling murah di dunia.

Perbandingan kadar tol yang dikeluarkan oleh Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) menunjukkan, kadar itu jauh lebih rendah berbanding bayaran tol di Indonesia, Filipina, Thailand, Hong Kong, China dan Jepun.

Indonesia mengenakan kadar 21 sen sekilometer bagi lebuhraya bertolnya, manakala Filipina 14 sen sekilometer, Thailand (79 sen) Hong Kong (82 sen) dan China (93 sen).

"Lebuhraya bertol di Jepun pula mengenakan bayaran 82 sen sekilometer, termasuk bayaran tetap RM4.95 sen setiap kali pengguna memasuki lebuhraya," kata laporan itu.

Semalam, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan kenaikan sederhana kadar tol NSE sebanyak 0.74 sen sekilometer menjadikan kadar baru 11.24 sen sekilometer, berbanding 10.5 sen sebelum ini.

Mengikut laporan itu, kadar tol NSE yang rendah berbanding negara lain di rantau ini lebih mengagumkan jika turut mengambil kira pendapatan per kapita negara terbabit.

"Misalnya, kadar tol NSE mengikut pendapatan per kapita penduduk Malaysia sebanyak AS\$4,284 lebih berpatutan, jika dibandingkan dengan Indonesia (AS\$1,066), Filipina (AS\$1,118), Thailand (AS\$2,540) dan China (AS\$26,307)," menurut laporan berkenaan.

Pada sidang akhbar semalam, Perdana Menteri turut menekankan peningkatan kadar keselamatan jalan raya di lebuhraya berbanding jalan biasa dan perbandaran.

Perangkaan Projek Lebuhraya Utara-Selatan Bhd (Plus) menunjukkan kadar kecelakaan di lebuhraya hanya merangkumi 3.2 peratus daripada keseluruhan jumlah kemalangan di negara ini.

Selain itu, laporan berkenaan menyebut, pembinaan NSE mewujudkan beberapa kawasan kediaman utama di sepanjang lebuhraya serta membangunkan beberapa koridor pembangunan bersepadu.

Antara kawasan yang diwujudkan hasil pembinaan NSE ialah Country Heights di Selangor, Bukit Tunggal Golf & Country Resort, Bukit Beruntung, Bukit Rahman Putra dan pembangunan bersepadu Saujana Impian.

Pembinaan NSE turut membantu meletakkan beberapa syarikat tempatan di Bursa Saham Kuala Lumpur (KLSE). Syarikat itu termasuk Road Builders Bhd, Malaysian-Thai Development Berhad (MTD), Projek Penyenggaraan Lebuhraya Berhad dan Binapuri Berhad.

(END)